




idealogy

JURNAL SENI & BUDAYA INDONESIA - MALAYSIA

©2016



idealogy

**JURNAL
SENI & BUDAYA**

INDONESIA
MALAYSIA

INSTITUT SENI BUDAYA INDONESIA
/ISBI BANDUNG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK
/UITM MALAYSIA

EDITOR

Dr. ANDANG ISKANDAR, S.Pd., M.Ds

Dr. MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI

P E R K E M B A N G A N
S E N I C A T A N
D I M A L A Y S I A

KHAYRIL ANWAR BIN KHAIRUDIN

FACULTY OF ART & DESIGN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
SERI ISKANDAR CAMPUS,
SERI ISKANDAR, 32610,
PERAK, MALAYSIA

PERKEMBANGAN EMBANGAN SENI

Sejarah perkembangan seni di Malaysia telah bermula sejak zaman dahulu iaitu sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu lagi. Pada masa itu masyarakat di Tanah Melayu masih lagi mengamalkan animisme yang mana menjadi kepercayaan dan pegangan di dalam kehidupan mereka.

Oleh yang demikian maka terdapat banyak ukiran-ukiran patung yang dihasilkan untuk tujuan penyembahan serta ritual-ritual mengikut kepercayaan mereka pada masa tersebut (Khairudin K. A. 2008). Ini menunjukkan bahawa bermula dari zaman dahulu lagi telah terdapat pengarca-pengarca di dalam masyarakat Melayu lama di mana kedudukan mereka di dalam struktur sosio masyarakat juga boleh di anggap penting kerana bertanggungjawab di dalam menyediakan patung-patung penyembahan bagi masyarakat di sekitarnya.

Kemudian, setelah kedatangan agama lain seperti Hindu dan Buddha ia juga turut sama mengembangkan lagi kreativiti kesenian masyarakat Melayu(R. Bujang, N. A. Hamidon, 2002).

Ini kerana di dalam memenuhi keperluan keagamaan di dalam upacara pemujaan maka mereka perlu menghasilkan peralatan-peralatan khusus yang digunakan untuk tujuan keagamaan dan ini secara tidak langsung akan menajamkan lagi kemahiran bertukang masyarakat Melayu pada masa tersebut.

Walaupun bagaimanapun setelah kedatangan Islam ke Tanah Melayu, maka segala bentuk penyembahan serta ritual keagamaan yang pernah di amalkan dahulu telah ditinggalkan sama sekali. Ini menyebabkan masyarakat tidak lagi menghasilkan patung-patung serta alatan-alatan untuk tujuan penyembahan seperti yang pernah dihasilkan dahulu kerana bertentangan dengan ajaran Islam (R. Bujang, N. A. Hamidon, 2002).

Namun demikian, Islam tidak sesekali menghalang penganutnya daripada terus menghasilkan hasil seni tetapi haruslah mengikut kriteria atau garis panduan yang telah ditetapkan dari segi estetika, etika serta sumbangan kepada masyarakat.

Perkara ini juga telah banyak diperkatakan oleh sarjana-sarjana Islam yang tersohor seperti Al-Ghazali, Al-faruqi, Seyyed Hossein Nasr dan ramai lagi. Sumber rujukan yang utama di dalam Seni Islam semestinya adalah daripada Al Quran dan juga Al Hadis yang mana bukan hanya sebagai rujukan di dalam kesenian malah ia juga merupakan sumber rujukan utama di dalam kehidupan (Khairudin K. A. 2008).

Oleh yang demikian setiap umat Islam yang ingin menghasilkan hasil seni perlulah mematuhi serta mengtaati segala suruhan dan larangan yang terkandung di dalam Al quran dan Al Hadis.

Walaupun bagaimanapun disebabkan mempunyai sejarah serta pengalaman yang lama di dalam menghasilkan patung-patung figura untuk tujuan penyembahan maka agak sukar bagi masyarakat Melayu pada mulanya untuk meninggalkan terus imej-imej tersebut daripada hasil seni mereka.

Walaupun tidak memaparkan imej-imej figura tersebut secara terang-terangan namun ianya masih lagi dapat dilihat di dalam hasil seni yang dihasilkan. Namun demikian imej-imej figura yang sekian lama dihasilkan ini akhirnya beransur-ansur hilang dan digantikan pula dengan imej-imej serta simbol-simbol yang mematuhi tuntutan Al Quran dan Al Hadis.

Kesenian Melayu tradisi pada mulanya hanya dihasilkan untuk istana atau Sultan serta pembesar semata-mata. Manakala rakyat jelata adalah dilarang sama sekali untuk memiliki hasil seni yang dihasilkan untuk Sultan. Ini menjadikan tukang-tukang yang menghasilkan hasil seni ini dinaungi oleh istana dan tugas mereka adalah menghasilkan keperluan serta hiasan untuk kegunaan pihak istana sahaja. Namun demikian setelah kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu aktiviti ini telah berubah sama sekali.

Oleh yang demikian aktiviti kesenian ini yang dahulunya hanyalah untuk kegunaan Sultan sahaja kini telah dapat dinikmati oleh semua orang termasuklah rakyat bawahan. Fenomena ini menyebabkan kesenian tradisi ini terus berkembang ke seluruh pelosok Tanah Melayu disebabkan mendapat permintaan yang banyak daripada masyarakat setempat.

Seni Melayu Tradisi dihasilkan adalah untuk memenuhi tuntutan keperluan masyarakatnya. Ianya tidak dihasilkan dengan mementingkan estetikanya sahaja. Malahan ianya turut menitik beratkan soal fungsi yang dapat membantu di dalam kehidupan seharian contohnya adalah seperti 'pemarut kelapa', 'jebak burung' dan banyak lagi.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Dr. Zakaria Ali, beliau telah menggariskan enam prinsip asas di dalam kesenian Melayu iaitu Halus, Berguna, Bersatu, Berlambang, Berlawan dan Bermakna (Jamal. S. A. 1992). Inilah prinsip yang dipegang dalam menghasilkan seni rupa Melayu dan turut membezakan diantara kesenian Melayu tradisi dengan kesenian barat.

Estetika Seni Melayu

Sudah menjadi lumrah di dalam kehidupan bahawa setiap manusia pasti akan suka dan tertarik kepada sesuatu yang cantik. Tidak kira tua atau muda, kecil atau besar pasti seseorang itu akan berasa lebih senang dan tenang apabila melihat atau menghayati objek-objek yang cantik atau indah dan ini bertepatan dengan sebuah hadis Nabi Muhammad S.A.W yang meriwayatkan bahawa:

'Allah itu cantik dan Ia suka kepada kecantikan'.

Dalam menyentuh tentang teori keindahan ini juga, Al Ghazali di dalam bukunya 'Kimya' al-Sa'adah' mengatakan bahawa keindahan itu merupakan suatu sifat yang sempurna, oleh yang demikian manusia itu akan tertarik untuk memilikinya di dalam mencapai maksud kesempurnaan tersebut. Di dalam menghayati keindahan juga seseorang manusia itu akan dapat melupakan segala masalah serta memberi ketenangan selain turut dapat memulih serta memantapkan fizikal, mental dan jiwa (al Ghazali)

Selain itu, Al-Ghazali juga berpendapat di dalam mengtakrifkan pengertian seni, beliau mengatakan bahawa seni dan kehidupan manusia sememangnya tidak dapat dipisahkan. Jika makanan bagi jiwa ialah kerohanian dan makanan bagi akal ialah ilmu maka makanan bagi pancaindera pula semestinya adalah kesenian (R. Bujang, N. A. Hamidon, 2002). Ini menunjukkan bahawa di dalam kehidupan seharian, manusia sememangnya tidak dapat lari daripada berinteraksi dengan seni dan juga menghayati kecantikan serta keindahan.

Pendapat ini juga turut di sokong oleh Mulyadi (2011) yang menyatakan bahawa sesuatu seni itu dilahirkan oleh masyarakat serta turut dihasilkan oleh masyarakat dan tujuannya adalah untuk dihayati oleh masyarakat juga.

Penyataan ini menunjukkan bahawa kepentingan seni dalam sesebuah masyarakat itu sememangnya tidak dapat dinafikan lagi di mana tujuan utamanya adalah untuk memberi ketenangan dan kedamaian kepada penghayat di dalam mencapai kepuasan pancaindera. R. Bujang, N. A. Hamidon, (2002) juga menyatakan bahawa menyedari betapa pentingnya peranan seni ini di dalam kehidupan manusia maka tidak hairanlah jika dilihat pada setiap sejarah tamadun dunia akan terdapat peninggalan hasil seni yang ditemui.

Ini kerana kesenian merupakan mercu tanda bagi kegemilangan sesebuah tamadun itu. Sebagai contoh kita dapat melihat sejarah tamadun Mesir, sejarah tamadun China, sejarah tamadun Greek dan banyak lagi yang mana boleh dikatakan hampir kesemua tamadun besar dunia ini mempunyai peninggalan kesenian yang banyak dan ini juga tidak terkecuali jika dilihat kepada tamadun Melayu itu sendiri.

Tamadun Greek misalnya sangat terkenal dengan senibina-senibinanya yang kukuh melalui tiang-tiang yang digunakan seperti 'Doric', 'Ionic' dan juga 'Corientience' malahan gaya seni bina tiang-tiang tersebut masih digunakan sehingga ke hari ini. Begitu juga dengan tamadun Cina yang terkenal dengan seni tembikar, ukiran patung, seni tulisan kaligraphy dan lukisan berus cina serta tamadun mesir melalui seni arca, lukisan relief, tembikar serta banyak lagi.

Melalui hasil seni inilah yang memberikan identity kepada sesuatu bangsa dan tamadun tersebut dan begitu jugalah di dalam tamadun Melayu itu sendiri yang mana hasil karyanya turut menceritakan siapakah masyarakat melayu itu.

Sememangnya di dalam tamadun Melayu itu sendiri terdapat begitu banyak hasil seni peninggalan warisan nenek moyang kita. Kesemua peninggalan ini adalah merupakan satu khazanah yang tidak ternilai harganya jika diukur oleh wang ringgit. Ini kerana sesebuah hasil seni yang dihasilkan bukanlah membawa maksud seni itu semata-mata. Sebaliknya ia turut mendokong budaya, warisan serta falsafah sesuatu masyarakat itu sendiri seperti yang ditakrifkan oleh Syed Ahmad Jamal 'seni sebagai titian di antara reliti zahir dan batin' (R. Bujang, N. A. Hamidon, 2002).

Kewujudan seni rupa melayu adalah untuk memenuhi tuntutan dan keperluan masyarakat melayu itu sendiri. Inilah seperti yang pernah dikatakan oleh Dato Syed Ahmad Jamal (2001) 'alam melayu itu adalah seperti muzium tanpa tembok'. Beliau menggambarkan bahawa di dalam alam melayu semua benda yang dihasilkan adalah hasil seni dan ini juga termasuklah barang untuk kegunaan harian seperti tikar mengkuang, tudung saji, rehal dan banyak lagi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat melayu itu sendiri sangat menghargai seni malahan seni itu merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka.

Secara sedar atau tidak masyarakat melayu sebenarnya telah lama didedahkan oleh nilai dan estetika kesenian melayu itu sendiri yang mana menekankan lima prinsip asas iaitu 'berhalus', 'berguna', 'berlambang', 'berlawan' dan 'bersatu', (Zakaria Ali, 2002). Falsafah ini bukanlah hanya diamalkan di dalam aktiviti seni sahaja malahan ia turut melambangkan aturan dan cara hidup masyarakat melayu itu sendiri.

Walaupun bagaimanapun setelah kedatangan seni moden seperti catan, arca dan cetakan ke Malaysia pada awal abad ke 19, pengertian seni yang diamalkan dulu telah berubah sama sekali malahan turut sama mengubah cara penerimaan masyarakat Malaysia terhadap seni yang selama ini begitu sebatian dengan seni tradisi yang diamalkan di dalam kehidupan harian mereka.

Seni tradisi yang dulunya menekankan aspek gunaan di dalam penghasilannya kini telah digantikan dengan seni moden yang lebih menitikberatkan fungsi estetika semata-mata yang diukur melalui element dan prinsip seni seperti garisan, rupa, bentuk, warna, jalinan, pengulangan, kesatuan, harmoni, ruang dan banyak lagi.

Inilah perbezaan diantara seni tradisi dengan seni moden yang mana jika dilihat dari sudut positif ianya akan memberikan satu pengalaman yang baru kepada perkembangan seni tanah air.

SENI CATAN MODEN DI MALAYSIA

Perkembangan seni moden seperti catan contohnya telah mula diperkenalkan sejak dari awal abad ke 19 lagi dan dilihat terus berkembang sehinggalah ke hari ini. Walaupun pada awalnya masyarakat di Malaysia dilihat tidak begitu memahami fungsi dan peranan seni moden ini yang begitu berbeza falsafahnya dengan kesenian tradisi tetapi sedikit demi sedikit ia mula diterima.

Malahan ramai pelajar-pelajar Melayu melalui tajaan kerajaan di hantar ke luar Negara untuk mempelajari bidang ini. Antaranya adalah seperti Ismail Zain, Syed Ahmad Jamal, Sulaiman Esa, Redya Piyadasa dan banyak lagi (Mulyadi Mahmood, 2001). Ini menunjukkan bahawa kerajaan serius didalam mengembangkan kesenian moden ini ke seluruh pelosok Negara. Selain itu di dalam mendidik masyarakat tentang kesenian moden ini juga pihak yang berwajib turut menerapkan pendidikan kesenian di dalam sistem pembelajaran dari seawal tahun satu di sekolah rendah lagi sehinggalah ke peringkat Universiti.

Usaha ini diharap dapat membantu di dalam memperkenalkan seni moden kepada masyarakat di Malaysia. Namun demikian menurut Foster & Blau (1989) menyatakan bahawa factor seperti demographic, geography, usage/behavior dan state intention juga memainkan peranan di dalam menentukan minat seseorang itu terhadap seni. Oleh itu adalah sukar untuk memastikan setiap orang akan mempunyai pemahaman dan minat yang sama di dalam melihat seni.

Oleh itu timbul juga persoalan tentang bagaimanakah penerimaan serta pemahaman masyarakat Malaysia terhadap seni catan moden ini. Walaupun ada di antara mereka yang telah didedahkan dengan bentuk seni catan ini, tetapi tidak dapat dipastikan sejauh mana masyarakat di Malaysia memahami seni catan moden ini serta bagaimanakah mereka menilai seni catan moden ini yang berbeza dengan seni Melayu tradisi.

Inilah antara persoalan yang perlu dilihat di dalam mengembangkan aktiviti seni catan di Malaysia kerana seandainya masyarakat tidak memahami fungsi serta peranan seni catan sudah semestinya sukar bagi mereka untuk mendekati serta mengenali bentuk seni tersebut dan seterusnya perkembangan seni catan akan terus malap di Malaysia.

Walaubagaimanapun perkembangan seni catan di Malaysia dilihat berada di landasan yang betul dari segi penerimaan serta pencapaiannya. Banyak galeri-galeri seni samaada persendirian mahupun awam telah wujud setelah 86 tahun seni catan moden diperkenalkan di Malaysia iaitu semenjak 1930-an lagi (Mulyadi Mahmood, 2001). Ini merupakan petanda yang baik di dalam melihat seni catan terus berkembang serta mendapat tempat di hati rakyat Malaysia.

Namun begitu, jika dilihat dari segi persatuan rakyat Malaysia yang membeli serta menaungi seni catan pula ianya masih lagi kecil. Mungkin inilah antara faktor yang menyebabkan perkembangan seni catan di Malaysia bergerak sedikit perlahan jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Singapura, Australia, Indonesia dan banyak lagi.

Seperti yang dinyatakan oleh Li, CongcongChen, Tsuhan (2009) memandangkan seni catan pada masa kini bukanlah lagi seni yang khusus untuk golongan atasan sahaja maka ia sepatutnya boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja yang meminatinya. Berdasarkan pandangan tersebut maka aktiviti jual beli seni catan di Malaysia sepatutnya lebih rancak kerana ianya mampu dimiliki oleh semua golongan.

Di dalam memastikan perkembangan seni catan di Malaysia sentiasa relevan maka adalah penting untuk memastikan seni catan yang dihasilkan dapat diterima oleh masyarakat. Seperti yang dinyatakan oleh Rodner. V. L. dan Kerrigan F. (2014) bahawa adalah penting untuk memasarkan karya seni yang dihasilkan di dalam memastikan kelangsungan seni tersebut selain daripada mendapatkan pulangan kewangan.

Apabila sesuatu catan itu terjual maka sudah semestinya ia akan menggalakkan lagi pelukis untuk menghasilkan catan dan secara tidak langsung ia juga akan merancakkan lagi perkembangan seni catan dan juga ekonomi negara.

Namun demikian, di dalam mempromosi serta menarik minat masyarakat supaya meminati seni catan khususnya, maka suatu kajian haruslah dibuat iaitu untuk mengetahui apakah citarasa serta factor yang mempengaruhi penghayat untuk membeli sesebuah catan dan apakah kreteria utama yang perlu ada pada sesuatu catan yang dapat menarik perhatian penghayat untuk membeli catan tersebut.

Hasil daripada kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada pelukis-pelukis di Malaysia tentang kreteria-kreteria serta ciri-ciri catan yang bagaimanakah yang diminati oleh penghayat seni di Malaysia. Di dalam melihat factor-faktor yang mempengaruhi penghayat terhadap visual estetika seni catan Li, CongcongChen, Tsuhan (2009) telah menyenaraikan colour, composition, meaning/ content, texture/ brushstroke, shape, perspective, feeling of motion, balance, style, mood, originality, unity, dan banyak lagi sebagai factor yang mempengaruhi penghayat terhadap kecantikan sesuatu catan.

Walaubagaimanapun beliau hanya mengambil empat factor utama sahaja yang mendapat kekerapan tertinggi di dalam kajian beliau iaitu colour, composition, meaning/content dan texture/brushstroke.

Di dalam kajian yang dilakukan itu, Chongchon Li telah menukarkan data survey yang diperolehi kepada programing sebelum menjadikannya perisian yang dapat menilai tentang visual kualiti sesuatu karya.

Namun begitu di dalam memastikan seni catan khususnya mendapat perhatian daripada masyarakat, strategi promosi juga haruslah dilaksanakan. Seperti yang diperkatakan oleh Jay Conrad Levinson (1994), melalui strategi pemasaran yang efektif sebenarnya mampu untuk meningkatkan jualan hasil seni dan seterusnya dapat memastikan keberlansungan aktiviti penghasilan seni kerana mendapat sokongan kewangan yang cukup.

Ini jelas menunjukkan bahawa selain daripada factor minat penghayat terhadap seni, faktor lain seperti sokongan kewangan juga merupakan perkara yang penting di dalam memastikan perkembangan seni catan terus berkembang.

Inilah antara perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat di Malaysia khususnya seandainya ingin melihat seni catan terus rancak dan mampu untuk berada sebaris dengan Negara-negara yang lain seperti Singapura, Australia, Indonesia yang sememangnya diketahui begitu menyanjungi hasil seni. Diharap pihak yang bertanggungjawab juga dapat memainkan peranan mereka di dalam memertabatkan seni catan tanah air ke persada dunia.

R E F E R E N C E S

Bujang. R. & Hamidon, N. A. (2002). Kesenian Melayu. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Foster, Sullivan, Blau. (1989). Art and Society: Reading in The Sociology of The Arts (Suny Series in Sociology of Culture). Suny Press

J. Yoon, P. Desmet, A. Van. Der. H. (2012). Design For Interest : Exploratory Study On a Distinct Positive Emotion in Human Product Interaction.

Joshi. D., Datta. R., Fedorovskaya. E., Luong. Q. T., Wang. J. Z., Li. J., Luo. J. (2011) Aesthetic and Emotion in Image. IEEE Singal Processsing Magazine, p 94-115.

Li, C., & Chen, T. (2009). Aesthetic visual quality assessment of paintings. IEEE Journal on Selected Topics in Signal Processing, 3(2), 236-252. <http://doi.org/10.1109/JSTSP.2009.2015077>

Maulah, Nibleu, Blackburn. (2014). The Value of Art and Culture to People and Society. Art Council, England.

Muliyadi. (2001). Seni Lukis Moden Malaysia: Era Perintis Hingga Era Pluralis 1930-1990.

Nasr. S. H. (1989). Falsafah Kesusasteraan dan Seni Halus. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rodner. V. L. Kerrigan. F. (2014). The Art of Branding- Lessons From Visual Artist. Art Markrting: an International Journal. Vol. 4, pp 101-118.

T. Mayer (2013) Drawing Art Into the Discussion of Writing Assessment. English Journal 103.1.pg. 81-87.



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar